

Jangan jadikan pilihan calon

UM T9 JUN 2003

KUALA LUMPUR 18 Jun — Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, ahli pergerakan itu tidak patut menjadikan soal pilihan calon sebagai masalah kepada parti untuk meraih undi dan sokongan rakyat pada pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya, beliau menegaskan sesiapa juga yang disenaraikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pucuk pimpinan tidak perlu dipertikaikan.

Walaupun mengakui pasti ada rasa terkilan di kalangan mereka yang tidak terpilih menjadi calon serta penyokong masing-masing, Rafidah mahu perasaan itu disimpan dalam hati.

“Janganlah pulaselepas diumumkan

kan calon oleh Pak Lah (Abdullah), ada Wanita UMNO berombongan ke Seri Perdana meminta Pak Lah memilih calon yang menjadi idola mereka.

“Jangan lupa idola kita adalah TJMNO,” katanya dalam ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Tahunan Wanita UMNO yang buat pertama kalinya diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Rafidah melahirkan rasa gembira dengan janji para perwakilan untuk patuh kepada pesannya itu.

Dalam ucapannya, beliau menaruh keyakinan bahawa Wanita boleh memainkan peranan sebagai

pendamai dalam situasi politik semasa.

“Ini janji Wanita kepada pucuk pimpinan kerana kita ini boleh menenteramkan keadaan. Kalau orang lelaki nak meronta-ronta (merebut jawatan) biarlah meronta, kits nasihat, kalau tak nak dengar, lantak dialah. Tetapi jangan kita yang jadi punca masalah,” katanya.

Kerjasama

Rafidah turut mengingatkan ahli supaya bekerjasama memastikan kemenangan calon yang telah dipilih oleh pucuk pimpinan dan menerima keputusan pucuk pimpinan sebagai rezeki masing-masing yang telah ditentukan Allah s.w.t.

“Kadang-kadang kita ini berkata

masalah kepada parti

menerap nilai-nilai Islam tetapi lupa pula kepada takdir Allah.

“Takdir Allah tidak ada siapa yang tahu. Kalau Allah member-i rezeki kepada seseorang bahawa dia yang jadi bakal calon, jadi calonlah dia. Dan kalau Allah kata tak jadi wakil rakyat, bertandinglah dia...-(tetapi) kalah,” katanya.

Bagaimanapun beliau menegaskan ahli tidak pula boleh menyalahkan takdir Allah jika kekalahan pada pilihan raya akan datang berpunca daripada kelemahan jentera parti dan sengketa pemilihan calon.

“Jadi tolonglah, buatlah sebaik mungkin dan saya tidak pernah kecewa dengan Wanita. Semoga kita terus dengan sikap kita,” katanya.

Tegas beliau, keutamaan pergerakan

itu kini ialah menggerakkan kerja di peringkat akar umbi untuk memantau pengundi termasuk menerusi jentera Ketua Rumah 10.

Rafidah mengingatkan menjelang pilihan raya umum yang semakin hampir, segala usaha pergerakan itu di semua peringkat mesti menjurus kepada matlamat membantu UMNO dan Barisan Nasional (BN) mencapai kemenangan.

Untuk mencapai matlamat itu, beliau berkata, rakyat perlu sentiasa didekatkan dengan dasar-dasar kerajaan yang jelas berjaya meletakkan orang Melayu dan agama Islam di tahap yang tinggi.

Beliau juga mahu Wanita UMNO memainkan peranan memberi penerangan bagi memperbetulkan

pemesongan pembangkang khususnya dalam soal agama.

Mengenai peralihan pucuk pimpinan, Rafidah mengajak ahli pergerakan itu memberi sokongan dan kerjasama penuh kepada Abdullah sebagaimana y&g diberikan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Dr. Mahathir telah membawa Malaysia ke tahap yang dibanggakan sekarang. Sangat penting kita terus berusaha merealisasikan semua visi yang telah beliau gambarkan, menuju ke hala status negara maju.

“Kita perlu memenangkan BN dengan cemerlang sekali lagi dalam pilihan raya akan datang, supaya usaha kerajaan di bawah kepimpinan baru untuk menghasilkan pembangunan komprehensif dapat diteruskan,” katanya.